



**KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN
PUSAT MATRIKULASI
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA**

Rujukan Kami: IUU.1.6-5/263/1/
KKK/PMUIAM/ Premis (1/02)

Tarikh:
5hb April 2002

Tuan Haji Abbas Bin Hassan
Dekan
Pusat Matrikulasi UIAM

Tuan,

Assalamualaikum wrt.wbt


**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN BILIK DIJADIKAN RUMAH
KELAB BAGI KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN PUSAT MATRIKULASI
UIAM**

Perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan, Kelab Kebajikan Kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM ingin memohon sebuah bilik kosong di Pusat ini untuk dijadikan Rumah Kelab bagi kelab di kampus ini. Pihak kami telah mengenalpasti sebuah bilik berhampiran bangunan Unit Penyelenggaraan dan Mahalah Zainab untuk dijadikan Rumah Kelab. Pihak kami juga telah berbincang dengan Penolong Pengarah, Encik Ami Nordin mengenai bilik berkenaan dan secara dasarnya beliau menyokong dan bersetuju sekiranya mendapat kelulusan dari pihak tuan.


Bilik yang dipohon ini akan digunakan untuk menjalankan segala aktiviti Kelab. Diharapkan permohonan kami mendapat pertimbangan tuan.

Sekian . *Wassalam*


ZABIDI BIN NASAN

Pengerusi
Kelab Kebajikan Kakitangan (KKK)
Pusat Matrikulasi, UIAM.

s.k : Setiausaha Agong KKK


Abbas Bin Hassan

**Dean
Matriculation Centre
International Islamic University Malaysia**